

7p 11

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN
BILANGAN 10 TAHUN 2015**

**PEMBERIAN PAJAKAN KECIL ATAU " SUBLEASE" KEPADA PIHAK
KETIGA BAGI TANAH YANG DIBERIMILIK SECARA PAJAKAN KEPADA
SYARIKAT ATAU PERBADANAN MILIK KERAJAAN (GLC)**

1. Pekeliling ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan kali ke 14 /2015 di bawah perkara -perkara lain (9) pada 8 hb Julai 2015 mengenai pemberian pajakan kecil atau "sublease" kepada pihak ketiga bagi tanah yang diberimilik secara pajakan kepada syarikat atau perbadanan milik kerajaan (GLC).
2. Majlis Mesyuarat Kerajaan telah membuat keputusan bersetuju bahawa pemberian pajakan kecil atau "sublease" kepada pihak ketiga bagi tanah yang diberimilik kepada syarikat atau perbadanan milik kerajaan (GLC) adalah perlu mendapat pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri terlebih dahulu.
3. Bagi melaksanakan keputusan tersebut, semua Pentadbir Tanah perlu menyediakan kertas MMK dan mengemukakan permohonan kepada Pejabat Tanah dan Galian untuk diangkat pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri.
4. Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta.


DATO' HAJI NAZRAN BIN MUHAMMAD , D.P.S.K.(Kelantan)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN.

KEPADA :
Yang Amat Berusaha,
Semua Pentadbir Tanah Jajahan Negeri Kelantan.

SALINAN KEPADA:

1. YAB. Ustaz Dato' Menteri Besar Kelantan.
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan.
3. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan.
4. YB. Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan.
5. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.
6. YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan.
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha, Majlis Mesyuarat Kerajaan.

Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian
Negeri Kelantan
Blok 3 Kota Darulnaim,
15503 Kota Bharu
Kelantan

No.Fail : PTG.KN.44/85 Jld.3 (28)
Bertarikh : 21 Syawal 1436H
6 Ogos 2015